

**NO SOALAN :37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
(JASIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 04.04.2018**

**Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keupayaan Kerajaan membayar hutang memandangkan dalam tempoh 9 tahun (2008-2017), hutang Kerajaan telah melonjak sebanyak RM400 bilion atau 140% kepada RM685 bilion sedangkan hasil Kerajaan hanya menokok RM63 bilion atau 395 kepada RM225 bilion.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kedudukan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2017 adalah sebanyak RM686.8 bilion atau 50.8%, kekal di bawah paras 55% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Daripada jumlah berkenaan, 96.9% atau RM665.6 bilion adalah hutang domestik (49.2% daripada KDNK). Sementara itu, baki 3.1% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan atau RM21.2 bilion (1.6% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Paras hutang ini telah meningkat sebanyak RM380.4 bilion berbanding tahun 2008, tahun di mana berlakunya krisis ekonomi. Peningkatan ini berikutan Kerajaan telah mengambil langkah proaktif memperkenalkan langkah kitaran balas atau *counter-cyclical measures*, termasuk melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah RM67 bilion bagi memastikan kestabilan ekonomi.

2. Kerajaan sentiasa memastikan hutang yang dibuat adalah mengikut kapasiti kedudukan kewangan Kerajaan iaitu keupayaan membayar kadar faedah dan pokok. Antara langkah yang dilaksanakan ialah memastikan bayaran balik hutang iaitu bayaran pokok serta bayaran kupon bagi bon dan sukuk Kerajaan dibuat mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Di samping itu, bayaran khidmat hutang sentiasa dikategorikan sebagai item tanggungan. Ini bermakna, bayaran khidmat hutang perlu didahulukan berbanding lain-lain komitmen Kerajaan yang tidak dikategorikan sebagai tanggungan. Sehingga kini, Kerajaan tidak pernah gagal untuk membiayai bayaran khidmat hutang. Pada masa yang sama, pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan akan dipastikan

sentiasa pada kos yang terendah dan dihadkan hanya bagi membiayai perbelanjaan pembangunan, selaras dengan disiplin fiskal yang telah diamalkan.

3. Bagi memastikan paras hutang adalah terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan berikut perlu dipatuhi iaitu:

(i) Memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara serta memastikan sebahagian daripada hasil negara tersebut dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;

(ii) Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada *outcome*, bagi mengelakkan pembaziran;

(iii) Pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang; dan

(iv) Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan

75  
pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

4. Jika dibandingkan dengan negara pengeluar minyak yang lain, Malaysia telah berjaya mengurangkan paras hutang daripada 53.0% pada 2013 kepada 50.8% pada 2017. Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan berbanding negara pengeluar minyak yang lain yang mengalami peningkatan hutang yang mendadak seperti Bahrain, Brazil, Australia, Mexico, Arab Saudi, UAE dan Saudi Arabia.

5. Kerajaan yakin dengan langkah-langkah tersebut akan membolehkan paras hutang Kerajaan Persekutuan dikurangkan setelah mencapai matlamat bajet hampir berimbang menjelang tahun 2020. Selaras dengan ini, konsolidasi hutang juga dapat dilaksanakan selepas Kerajaan dapat mencapai lebihan fiskal. Ini kerana kutipan hasil dapat menampung perbelanjaan operasi dan pembangunan, dan Kerajaan tidak perlu lagi membuat pinjaman baharu untuk membiayai program dan projek.